



**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERHORMAT SENATOR  
DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN  
SAMBUTAN IHYA' RAMADAN PERINGKAT KEBANGSAAN  
BAGI TAHUN 2023M BERSAMAAN 1444H**

**DEWAN SHEIKH DAUD AL-FATHONI  
MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN**

**21 MAC 2023**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

1. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada ilahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
2. Saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnianya, kita diberi kesempatan untuk berkumpul pada petang yang berbahagia ini bagi menjayakan **Majlis Pelancaran Sambutan Ihya' Ramadan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1444 Hijri bersamaan 2023 Miladi**. Semoga apa juga yang telah dan akan dilaksanakan nanti mendapat keberkatan dan keredhaan-Nya.
3. Pertamanya, ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Ketua Pengarah JAKIM kerana berjaya menganjurkan program ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua agensi di bawah portfolio Hal Ehwal Agama dan pihak Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri atas kesudian untuk turut bersama-sama kita pada hari ini.

4. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para penyumbang bantuan Musaadah Madani yang menyantuni golongan al-Mustad'afiin khususnya daripada kalangan asnaf dan B40. Mudah-mudahan bantuan ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban terutamanya menjelang Ramadan yang bakal tiba.

**YBhg. Datuk, Dato', tuan-tuan puan-puan yang dihormati**

5. Seperti tahun-tahun sebelumnya, kita mengadakan pelbagai program untuk meraikan kedatangan bulan Ramadan yang dinamakan **Ihya' Ramadan**. Ihya' Ramadan membawa maksud "menghidupkan Ramadan" yang akan berlangsung sepanjang bulan Ramadan. Objektifnya adalah untuk menggalakkan umat Islam supaya merebut peluang untuk mempertingkatkan amal ibadat sepanjang bulan Ramadan secara konsisten (*istiqamah*) dan berdisiplin.
6. Bulan Ramadan memiliki kelebihan dan kemuliaan yang tersendiri berbanding bulan-bulan yang lain. Bulan ini penuh dengan keberkatan di mana semua umat Islam diberi peluang untuk melipat gandakan pahala dengan menunaikan amalan-amalan wajib dan sunat yang sangat digalakkan.
7. Oleh yang demikian, dalam konteks dakwah dan imarah, program Ihya' Ramadan tahun ini bakal menyajikan pelbagai aktiviti ibadah seperti solat Tarawih, bertadarus / membaca Al-Quran, bersedekah, qiamullail, beriktikaf, memperbanyakkan berdoa, berzikir, beristighfar, majlis khatam al-quran, majlis penyampaian

sumbangan kepada kalangan Mustad'afiin, majlis tazkirah dan tadabbur al-quran, qiyamullail perdana, iftar beramai-ramai di masjid surau, dan banyak lagi yang tidak dapat saya sebutkan secara satu persatu.

8. Saya berharap rakan-rakan media dapat membantu untuk mempromosikan program-program ini kepada masyarakat. JAKIM bersama agensi-agensi hal ehwal Islam seperti MAIWP, JAWI, YADIM, YaPEIM, dan Yayasan Waqaf Malaysia telah menyusun program turun padang untuk menyantuni golongan yang memerlukan dalam program khas yang kita jenamakan Jejak Dhu'afa'.

**YBhg. Datuk, Dato', tuan-tuan puan-puan yang dihormati**

9. Saya dimaklumkan bahawa agensi agama Islam seluruh negara telah merancang begitu banyak aktiviti yang bermanfaat dalam Ramadan ini. Saya menyeru agar semua agensi samada Persekutuan atau Negeri yang melaksanakan aktiviti tersebut dapat melakukan yang terbaik serta berkeaktiviti. Curahkanlah segala tenaga, masa dan wang ringgit dengan sebaik-baiknya. Mudah-mudahan kita beroleh ganjaran yang dijanjikan Allah di akhirat kelak.

10. Saya juga berharap, dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan ini dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial. Di samping itu, secara tidak langsung ia turut memupuk semangat perpaduan, kerjasama, semangat kerja berpasukan dan mengeratkan ukhuwah sebagai sebuah masyarakat Malaysia Madani.
11. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan setiap aktiviti lhya' Ramadan. Terima kasih juga kepada JAKIM, Agensi Agama di bawah YB Menteri dan JAIN / MAIN yang menjadi nadi kepada setiap program sepanjang Ramadan dan sentiasa memberi komitmen yang terbaik bagi memastikan setiap program berjalan dengan lancar. Semoga ia menjadi saham di akhirat kelak insyaAllah.

**YBhg. Datuk, Dato', tuan-tuan puan-puan yang dihormati**

## **PENUTUP**

12. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada seluruh agensi dan jabatan agama Islam negeri yang menjadi tulang belakang dalam mengimarahkan program sepanjang bulan Ramadan nanti.
13. Mengakhiri ucapan ini, saya mendoakan semoga YBhg. Datuk, Dato', tuan-tuan puan-puan dan kita semua dilimpahi rahmat oleh Allah SWT. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Datuk Ketua Pengarah JAKIM, Ketua-Ketua Agensi dan seluruh

Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri yang mendokong usaha program ini.

14. Akhir kata, dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim*** saya merasmi dan melancarkan **Majlis Sambutan Ihya' Ramadan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1444 Hijri bersamaan 2023 Miladi.**

Sekian wabillahitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.